

Pelajar universiti hilang, langgar pantang larang di Sabah!

UB 16.12.2018 B4

SEBUAH filem yang akan menghantui anda semua "NIKAMBALU" sebuah produksi "Starwolf Studio" yang dilakonkan oleh para pelajar Universiti Malaysia Sabah. Filem ini akan menghantui anda pada bulan Disember ini.


Pembuatan filem pendek ini adalah komponen empat kursus iaitu Pengurusan Penerbitan Media, kursus Pemasaran Karya, kursus Web Interaktif Modul I, II, dan III dan kursus Audio Video Digital yang diwujudkan bertujuan memberi pendedahan awal dalam dunia profileman serta

mendidik mahasiswa program Seni Kreatif agar tidak hanya memfokuskan pembelajaran teori yang diajarkan di bilik kuliah semata-mata, bahkan mereka juga perlu mengaplikasikan ilmu yang diajarkan dengan praktikal.

Filem "NIKAMBALU" ini menceritakan tentang pantang larang Sabah apabila berada di dalam hutan. Sinopsis cerita ini bermula dengan empat orang pengembara bersama dua orang *guide* berbangsa Dusun yang akan menjalankan misi mencari ubat penawar penyakit kusta (pangkot) di sebuah kampung bernama Kampung Minusoh.

Ketua produksi Christy Susanti John berkata tajuk filem mereka iaitu 'Nikambalu' dipilih kerana ia dimaksudkan sebuah hutan yang wujud di Daerah Tongod, Telupid. Manakala, nama Starwolf Studio ini berkonsepkan keberanian yang tinggi seperti seekor serigala dan semangat yang tinggi seperti bintang.

Watak utama dalam filem ini terdiri daripada pelajar-pelajar UMS. Pelakon yang terlibat dalam filem ini pula ialah Morin Anak Freeday sebagai watak Piah, Khairul Shah Halipa sebagai Jai, Nor Lindah Ekang sebagai Marsiah, Clyeventh Gray Joseph sebagai Dr. Adem,



SITUASI menaiki rakit semasa shooting dijalankan di Tegudon Village Tourism Kota Belud, Sabah.

Muhammad Hanib Mazlan sebagai Mat dan Fazlie Rumiyu sebagai Inggooh.


Perkara ini juga, menceritakan cabaran seorang *guide*, apabila nasihatnya tidak diendahkan seperti mempertaruhkan nyawa sendiri. Tragedi yang menimpa enam orang sahabat ini terpaksa memilih antara dua "sahabat atau misi". Tentunya jarang sekali orang-orang yang mengetahui bahawa cabaran seorang *guide* di dalam hutan sebenarnya adalah

Sebagai "Cameraman" bukan sesuatu yang mudah. mengambil shot yang menarik adalah sesuatu yang sangat mencabar cameraman. Dalam setiap scene ada pelbagai shot

yang perlu diambil, bukan sahaja memudahkan editing bahkan perlu memastikan filem "Nikambalu" berkualiti untuk ditonton. Malahan aksi-aksi dalam menjayakan

filem "Nikambalu" ini, sangat memberi pengalaman yang paling mencabar bukan sahaja crew production malah pelakon-pelakon "Nikambalu" itu sendiri.

Antara lokasi penggambaran filem ini banyak dilakukan di sekitar hutan yang terdapat di UMS dan Tegudon Tourism Village, Kota Belud.



CABARAN seorang cameraman semasa shooting di sungai.



KRU produksi Starwolf Studio.